

5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN**  
**KAWASAN : BUKIT BINTANG**  
**TARIKH BAHAS : 31.10.2017**  
**NO. SOALAN : 12**

**TUAN FONG KUI LUN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan pelaburan asing sama ada pelaburan sedia ada, baru dan yang gagal berikutan ketidaktentuan ekonomi global sepanjang tempoh 4 tahun lalu.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pelaburan langsung asing yang diluluskan bagi sektor perkilangan sepanjang tempoh 4 tahun lalu, iaitu dari tahun 2013 sehingga 2016 adalah sebanyak 1,598 projek dengan nilai RM119.5 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 705 projek merupakan projek baharu bernilai RM64.3 bilion manakala 893 projek merupakan projek pengembangan dan kepelbagaian projek sedia ada bernilai RM55.2 bilion.

Definisi pelaburan asing yang gagal seperti yang dipersoalkan adalah tidak jelas. Walau bagaimanapun, dalam konteks pelaburan asing sedia ada, terdapat syarikat yang telah memberhentikan operasi mereka atau berpindah ke negara lain terutamanya bagi syarikat berintensif buruh. Bagi tempoh yang sama, syarikat yang memberhentikan operasi mereka dan berpindah ke negara lain yang direkodkan adalah sebanyak 40 buah syarikat. Sebab-sebab penutupan operasi yang dikenal pasti termasuklah:

- i. keadaan pasaran yang lemah berikutan penurunan dalam jualan dan permintaan syarikat;
- ii. kemunculan teknologi baharu yang menggantikan teknologi dan produk sedia ada;

- 7
- iii. peningkatan dalam kos pengeluaran;
  - iv. bekalan bahan mentah yang terhad dan berkurangan;
  - v. pengambilalihan oleh syarikat lain; dan
  - vi. penstrukturan semula syarikat.

Di sebalik pemberhentian operasi syarikat-syarikat tersebut, pada masa yang sama negara juga menerima masuk pelaburan langsung asing bernilai dan berteknologi tinggi selaras dengan sasaran Kerajaan menyediakan pekerjaan bernilai dan berpendapatan tinggi kepada rakyat. Pelaburan langsung asing bernilai tinggi tersebut termasuklah oleh Lotte Chemical Titan (M) Sdn. Bhd., Biocon Sdn. Bhd., Robert Bosch (Malaysia) Sdn. Bhd. dan B.Braun Medical Industries Sdn. Bhd.

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun berdepan dengan situasi ekonomi dunia yang semakin mencabar, Kerajaan sentiasa optimis dengan menambahbaik dan memperkenalkan pelbagai strategi bagi memastikan negara terus kekal berdaya saing dan dapat terus meraih pelaburan langsung asing berkualiti tinggi. Ini jelas terbukti semasa pembentangan

Bajet 2018 oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Oktober 2017 yang terus memberi keutamaan kepada aktiviti mempromosi pelaburan berkualiti tinggi, termasuk peruntukan bagi dana strategik berimpak tinggi dan galakan cukai kepada aktiviti-aktiviti strategik.